

# PM bimbang penggunaan

UM - 5 JUN 2000

PULAU PINANG 4 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kebimbangan dengan fenomena penggunaan pembunuh upahan di negara ini ekoran pembunuhan Setiausaha Agung Gerakan Aceh Merdeka (GAM) Teuku Don Zulfahri di Kuala Lumpur Khamis lalu.

Beliau berkata, kejadian sedemikian bukanlah sesuatu yang dapat diterima dalam politik negara ini.

"Ini bukan budaya kita..kita tidak mahu ada orang yang diupah untuk membunuh musuh-musuh politik mereka.

"Saya khuatir kalau-kalau penggunaan pembunuh upahan berlaku di Malaysia," katanya pada sidang akhbar di Hotel 1926 di sini, hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika diminta mengulas pembunuhan Setiausaha Agung Gerakan Aceh Merdeka (GAM) Teuku Don Zulfahri Khamis lalu.

Teuku Don, 40, dipercayai ditembak mati oleh seorang lelaki yang memakai topi ketika mangsa sedang berbual-bual dengan rakannya di sebuah restoran di Pandan Perdana.

Lelaki tersebut yang dipercayai seorang pembunuh upahan kemudian melarikan diri mengikut pintu belakang selepas menembak mangsa.

Menurut Dr. Mahathir lagi, kejadian pembunuhan Teuku Don perlu perlu disiasat bagi memastikan sama ada cara sedemikian digunakan dalam kejadian itu.

Polis dalam satu kenyataan kepada *Mingguan Malaysia* semalam memberitahu, pihaknya telah menggerakkan pasukan penyiasat bagi untuk menyiasat kes itu.

## pembunuh'upahan

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohd. Jamil Johari dalam kenyataannya itu memberitahu pasukan penyiasat yang dibarisi oleh pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah telah memulakan siasatan dengan bantuan Interpol.

Kes pembunuhan Teuku Don yang lebih dikenali sebagai Habib Adam di Malaysia telah menimbulkan misteri kepada pihak berkuasa negara ini dan Indonesia.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi yang mengulas pembunuhan itu berkata, kes itu adalah serius dan polis sedang menyiasatnya.

"Kes ini adalah serius. Pembunuhan berlaku di negara kita dan tidak mungkin kita biarkan begitu sahaja.

"Apa jua siasatan yang polis lakukan apabila berlaku kes jenayah seperti pembunuhan adalah rasmi tanpa mengira masa dan siapa yang menjadi mangsa," katanya.

Teuku Don mewakili pertubuhan

yang berjuang dengan Jakarta bagi mendapatkan kemerdekaan Aceh.

Jurucakap GAM, Teuku Ismail Syahputra yang dipetik oleh wakil *Utusan* di Jakarta, Zulkifli Bakar dalam analisis beritanya semalam berkata, pihaknya tetap menuduh perbuatan itu dilakukan oleh pasukan perisikan Indonesia yang terdiri daripada anggota Komando Pasukan Khusus (Kopassus).

Tuduhan itu dinafikan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI).